



TEKS UCAPAN ALUAN
YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PROGRAM

**SEMINAR KASIH SEMURNI USAHA KPWKM @ANTIGANGGUAN SEKSUAL
DAN PELANCARAN KEMPEN “ZERO SEXUAL HARASSMENT ON CAMPUS”
INSTITUT SOSIAL MALAYSIA DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM)**

18 APRIL 2024 (KHAMIS) | 2.00 PETANG

Kemaskini 17 April 2024 @7.00 pm

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya pada petang ini, dapat kita bersama-sama menghadiri **Seminar KASIH Semurni Usaha KPWKM @Antigangguan Seksual dan Pelancaran Kempen “Zero Sexual Harassment on Campus”** kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Institut Sosial Malaysia (ISM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

2. Terima kasih juga diucapkan kepada seluruh barisan Pengurusan UIAM kerana sudi menjemput kami, warga KPWKM untuk melebarkan jaringan kerjasama untuk memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan KPWKM kepada warga kampus dan pelajar-pelajar serta komuniti.

3. Tidak lupa kepada ISM yang menerajui jaringan kerjasama dengan penganjuran program yang bermakna ini. ISM merupakan sebuah agensi di bawah KPWKM yang bertaraf Institut Latihan Awam (ILA), bertujuan untuk menjadi

sebuah pusat kecemerlangan dalam bidang kerja sosial dan pembangunan sosial.

4. Masih belum terlambat untuk saya mengucapkan “Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin” kepada para hadirin dan jemputan khususnya kepada mahasiswa dan mahasiswi UIAM dan Institusi Pengajian Tinggi lain yang turut serta pada petang ini. Saya difahamkan ada 700 lebih pelajar yang hadir di dalam dewan ini. Terima kasih dan tahniah atas kehadiran anda. Saya percaya platform ini

dapat meningkatkan kesedaran awam tentang kesalahan dan jenayah gangguan seksual dalam kalangan masyarakat termasuklah warga kampus.

PENGENALAN DAN KERJASAMA ISM-UIAM MENINGKATKAN KEFAHAMAN TENTANG GANGGUAN SEKSUAL

Hadirin yang saya muliakan,

5. Kerjasama antara ISM dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ini bermula apabila seorang *Legal Adviser* UIA telah menjadi salah seorang daripada 4,137 orang peserta

Bengkel Kejurulatihan bagi Antigangguan Seksual yang dianjurkan oleh ISM.

6. Maka pada hari ini, dengan sokongan padu dari Pengurusan UIAM sendiri, program ini dapat dianjurkan untuk memberi pendedahan berkaitan isu gangguan seksual dalam kalangan warga pekerja dan pelajar di sini.
7. Saya menyeru kepada semua yang telah menyertai program pemahaman antigangguan seksual pada pagi tadi, supaya menjadi 'mulut', 'mata' dan 'telinga' kepada

KPWKM sebagai penyampai dan jurulatih antigangguan seksual dengan mengikuti Bengkel Kejurulatihan bagi Antigangguan Seksual.

8. Untuk makluman para hadirin, Bengkel Kejurulatihan Antigangguan Seksual anjuran ISM bertujuan untuk melatih dan melengkapkan jurucakap serta jurulatih untuk menyokong pelaksanaan advokasi gangguan seksual dalam kalangan komuniti dan persekitaran masing-masing.

JERAYAWARA KASIH KPWKM @ANTIGANGGUAN SEKSUAL

Yang Berbahagia Tan Sri, Datuk, Tuan/Puan dan Hadirin sekalian,

9. Sejak tahun 2023, KPWKM telah melancarkan pelbagai program dan inisiatif untuk meningkatkan kesedaran mengenai kesalahan dan jenayah gangguan seksual, bermula dengan penggubalan Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840], sebuah langkah penting oleh Kerajaan dalam memberi perhatian serius terhadap kesalahan ini melalui undang-undang khusus.

10. Akta 840 ini juga diharap dapat mengurangkan kejadian gangguan seksual sama ada di tempat kerja, institusi pengajian atau latihan, mahupun di tempat awam yang boleh mendorong kepada perlakuan jenayah seksual yang lebih berat dan serius seperti serangan atau keganasan seksual termasuk rogol.

11. Penggubalan akta ini adalah seiring dengan peningkatan perlindungan undang-undang dan kesedaran tentang hak wanita, sejajar dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas

2021-2025, Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDG) 2030 serta Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).

12. Inisiatif KPWKM diteruskan dengan penganjuran **14 siri Program jerayawara (roadshow) KASIH KPWKM @Antigangguan Seksual** serta pelbagai lagi program-program berskala besar dan kecil yang diadakan di seluruh negara melibatkan penyertaan lebih **19,423 orang peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat dan latar**

belakang. Selain itu melalui **sebaran di pelbagai platform media seramai 3.5 juta orang pula telah mendapat pendedahan** berkaitan advokasi dan kesedaran berhubung dengan antigangguan seksual ini.

13. Program Advokasi Antigangguan Seksual ini akan diteruskan pada tahun 2024 sebagai lanjutan dari usaha sebelumnya.

Program advokasi hari ini lebih bertujuan untuk membangunkan amalan komuniti dalam kalangan kumpulan sasar, termasuk anda semua, yang akan

bertindak sebagai kumpulan sokongan komuniti dalam membantu melaksanakan advokasi dan menangani isu gangguan seksual serta meningkatkan kesiapsiagaan masyarakat untuk mengemukakan aduan kepada Tribunal bagi Antigangguan Seksual.

TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL (TAGS)

Tuan-tuan, puan-puan, hadirin sekalian

14. Sejak Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) ini diluluskan pada 28 Mac 2023, kita telah mula pelaksanaannya secara berperingkat. Pada 11 Mac 2024 yang lalu, Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) pula telah pun mula beroperasi untuk **menerima aduan bagi perbuatan gangguan seksual yang berlaku pada atau selepas 8 Mac 2024.**
15. TAGS menyediakan satu **saluran alternatif kepada mahkamah sivil** untuk mengendalikan aduan gangguan seksual dengan cepat, mudah dan kos yang minimum bagi

mangsa mengambil tindakan terhadap pelaku untuk mendapatkan hak tebus rugi akibat daripada gangguan yang dialami.

16. Penubuhan TAGS bukanlah bertujuan untuk mengambil alih fungsi mahkamah, sebaliknya memberikan pilihan kepada mangsa sama ada membuat aduan di TAGS atau pun mengambil tindakan sivil di mahkamah. Seksyen 8 Akta 840 menyatakan bahawa tiada pertindihan bidang kuasa di antara TAGS dan mahkamah sivil. Dalam masa yang sama, mangsa masih boleh membuat laporan polis supaya

siasatan dapat dijalankan agar tindakan jenayah dapat diambil terhadap pelaku.

17. Empat (4) kelebihan utama Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) adalah seperti berikut:
 - i. Kos yang ditanggung adalah minimum kerana hanya melibatkan yuran pemfailan borang aduan sebanyak RM30.00 dan sekiranya pernyataan pembelaan difailkan ia hanya berjumlah RM10.00.

ii. Pembuktian aduan gangguan seksual adalah secara imbangan kebarangkalian (balance of probabilities) dan tiada keperluan untuk melantik peguam bela atau peguam cara.

iii. Keputusan sama ada memberikan award atau menolak aduan gangguan seksual, perlu dibuat dalam tempoh 60 hari dari hari pertama pendengaran tanpa kelengahan dan jika dapat dilaksanakan. Sekiranya aduan gangguan seksual berjaya dibuktikan, pampasan atau

ganti rugi boleh diberikan kepada mangsa menerusi award yang ditentukan oleh panel Tribunal.

iv. Pendengaran dijalankan secara tertutup di hadapan tiga (3) anggota panel Tribunal yang berwibawa.

18. Perlindungan mangsa sekiranya mengalami penganiayaan adalah di luar bidang kuasa TAGS. Sekiranya elemen penganiayaan berlaku, ia boleh ditangani menerusi perundangan sedia ada, contohnya dalam konteks pekerjaan, ia boleh ditangani di bawah

Mahkamah Perusahaan atau sekiranya melibatkan ancaman atau ugutan yang bersifat jenayah, ia boleh dirujuk kepada pihak polis.

19. Bagi memberi kemudahan kepada orang ramai, KPWKM juga menyediakan Perkhidmatan Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam bagi tujuan pertanyaan, aduan dan permohonan bantuan yang turut merangkumi aspek antara lain kaunseling, perlindungan dan kebajikan termasuk aduan gangguan seksual.

20. Selain daripada itu, KPWKM juga menyediakan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) sebagai pusat sosial yang menawarkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, sokongan emosi untuk mengurangkan isu-isu psikososial termasuk gangguan seksual.

21. Sebelum mengakhiri ucapan, saya berharap agar diakhir program ini nanti, ilmu dan maklumat yang diperolehi ini tidak akan terhenti di sini sahaja bahkan ia harus

disampaikan kepada rakan-rakan dan ahli keluarga kita yang tidak dapat bersama kita pada petang ini.

22. Pada kesempatan ini saya dan seluruh warga KPWKM, sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada ISM dan UIAM atas komitmen penuh dalam menjayakan program ini. Tidak dilupakan juga semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam program pada hari ini termasuklah pempamer dari Jabatan dan Agensi KPWKM dan Jabatan/Agensi luar.

23. Akhir Kalam, dengan lafaz kalimat mulia
“**Bismillahirrahmanirahim**” saya dengan ini
menyempurnakan Seminar KASIH Semurni Usaha
@Antigangguan Seksual dan Pelancaran Kempen “Zero
Sexual Harassment on Campus” dengan rasminya.

Wabillahitaufik Walhidayah,

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sekian, terima kasih.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
18 April 2024